

mereka terjerumus seks bebas, sumbang mahram dan sebagainya.

iii) **Kejutan Budaya.**

Daripada segi ketidakseimbangan antara kaum yang terlibat dengan jenayah adalah disebabkan terdapatnya kejutan budaya dan ingin mendapatkan sesuatu dengan mudah selepas berlaku perpindahan dari kampung, estet-estet ke bandar-bandar besar. Di samping ketidakseimbangan hidup, kemerosotan moral dan pengangguran mendorong kepada perlakuan jenayah.

Pihak Kerajaan menyedari segala punca masalah kepada perlakuan jenayah ini yang melibatkan remaja India dan Kerajaan telah memperkenalkan *Special Implementation Taskforce on Indian Community (SITF)* pada tahun 2010 yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Dalam aspek pencegahan jenayah di kalangan kaum India, SITF akan bekerjasama dengan pihak polis untuk mengurangkan penglibatan remaja India dalam jenayah seperti mengadakan dialog dan juga menggalakkan remaja India menyertai pasukan polis atau pasukan keselamatan lain.

Bagi menjawab soalan (b), pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak PDRM dan NGO untuk menggalakkan penyertaan kaum India menyertai pasukan polis. Perangkaan terkini dalam eksesais pengambilan konstabel dan konstabel sokongan pada tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

**STATISTIK PERMOHONAN DAN PANGGIL TEMU DUGA
JAWATAN INSPEKTOR TAHUN 2013/2014**

JAWATAN INSPEKTOR

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	676
	WANITA	78
PANGGIL UJIAN FIZIKAL 2014	LELAKI	389
	WANITA	66

JAWATAN KONSTABEL

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	1,093
	WANITA	748
SESUAI UJIAN FIZIKAL 2014	LELAKI	283
	WANITA	187
BELUM DI TEMU DUGA	LELAKI	283
TELAH DILANTIK 19/1/2014	WANITA	80

JAWATAN KONSTABEL SOKONGAN

TAHUN 2013/2014	JANTINA	INDIA
PERMOHONAN 2013	LELAKI	166
	WANITA	44
PANGGIL TEMU DUGA 2013	LELAKI	38
	WANITA	13
TELAH DILANTIK 30/12/2013	LELAKI	19
TELAH DILANTIK 23/12/2013	WANITA	8

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 9 APRIL 2014

RUJUKAN : 6613

SOALAN:

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan strategi dan tindakan Kerajaan bagi mengawal kemasukan dadah ke kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Masalah dadah merupakan masalah sosial yang boleh mengancam keselamatan dan keharmonian negara. Sehubungan itu Kementerian melalui PDRM telah menjalankan penguatkuasaan undang-undang untuk membanteras masalah tersebut. Kementerian telah merancang beberapa strategi untuk membanteras bekalan dan permintaan dadah dalam negara termasuk di negeri Sarawak seperti berikut:

- i. **Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan untuk membanteras sindiket pengedaran dadah yang berprofil tinggi;**
- ii. **Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan/operasi yang memberi impak tinggi dan tangkapan berkualiti (sindiket pengedaran dadah dan makmal haram memproses dadah);**
- iii. **Memfokuskan tindakan penguatkuasaan dan pencegahan ke atas *addict cum pusher* untuk membanteras permintaan dadah;**
- iv. **Mempertingkatkan dan memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan agensi anti dadah di peringkat antarabangsa dengan bertukar dan berkongsi maklumat risikan untuk membanteras penyeludupan dadah masuk atau keluar negara;**

- v. Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan tempatan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Agensi AntiDadah Kebangsaan dan lain-lain agensi dengan berkongsi maklumat risikan dan melaksanakan operasi secara bersama; dan
- vi. Memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan di pintu-pintu masuk negara termasuk juga di lorong-lorong tikus yang telah dikenalpasti dengan menempatkan Unit Narkotik dan Unit K9 di tempat yang dikenalpasti menjadi laluan masuk pengedar dadah.